

Istiadat Mengarok: Warisan Tradisi Raja Melayu Pahang

Suria Fadhillah Md Pauzi^{1*}, Lily Mazlifa Mustafa², Nurul Afzan Najid³

¹Faculty of Law, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang,
Kampus Jengka, 26400 Bandar Tun Razak Jengka, Pahang, Malaysia
suriapauzi@pahang.uitm.edu.my

^{2,3}Faculty of Accountancy, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang,
Kampus Jengka, 26400 Bandar Tun Razak Jengka, Pahang, Malaysia
nurulafzan@pahang.uitm.edu.my, mazlifa@pahang.uitm.edu.my

*Penulis Rujukan

Abstrak: Pahang atau lebih dikenali dengan nama Inderapura satu ketika dahulu merupakan salah sebuah negeri tertua di Semenanjung, mempunyai susur galur sejarah kegemilangan yang penuh warna-warni. Pahang Darussalam seperti yang tertulis di dalam Kitab Hukum Kanun Pahang tidak sunyi dengan pelbagai adat resam dan budaya yang diwarisi oleh orang Melayu bermula dengan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh Demang Lebar Daun, penghulu bagi masyarakat Melayu Palembang sewaktu beliau mahu mengahwinkan anaknya dengan Seri Teri Buana, anak Raja Suran seperti yang tertulis di dalam Sulalatus Salatin. Istiadat Mengarok merupakan salah satu daripada adat istiadat yang tidak mungkin dapat dipisahkan daripada tradisi Melayu Pahang. Berdasarkan Hikayat Pahang, mengarok berasal dari Bugis dan diketuai oleh Panglima bernama Selawatang. Istiadat mengarok buat pertama kalinya diadakan di Chenor bagi mengalu-alukan kedatangan Wan Ahmad yang telah ditabalkan menjadi Bendahara Pahang bergelar Bendahara Sewa Raja pada 10 Jun 1865. Istiadat mengarok kemudiannya diperluaskan ke dalam Istiadat Perkahwinan Diraja, Hari Keputeraan, Istiadat Pertabalan Diraja dan beberapa istiadat diraja yang lain. Kerta kerja ini akan membincangkan berkenaan istiadat mengarok yang menjadi intipati istiadat diraja yang hanya diamalkan di Pahang. Seni budaya ini hanya wujud di Pahang haruslah dikekalkan dan dipelihara agar ia tidak ditelan arus pemodenan bangsa.

Kata Kunci: Adat Mengarok, Adat resam Melayu, Istiadat Diraja Pahang, Seni budaya

1. Pengenalan

Pahang adalah sebuah negeri yang sudah ternama sejak dahulu lagi dan dikenali dengan pelbagai nama seperti 'Pam', 'Pan', 'Paam', 'Paon', 'Phaan', dan 'Phang' oleh orang Eropah atau 'Mahang' oleh orang-orang Jakun keturunan Melayu Purba. Dalam bahasa Khmer perkataan Pahang itu adalah bahasa Siam-Asli yang bererti 'timah' (Linehan, 1936). Selain itu, dalam Hikayat Hang Tuah dan lain-lain catatan lama, Pahang dirujuk sebagai 'Inderapura' dan disebut 'Pahang Inderapura' (Linehan, 1936a,b). Pahang dikatakan sudah wujud sebelum wujudnya Kerajaan Melayu Melaka. Maka tidak menghairankan banyak manuskrip lama yang menceritakan berkenaan kegemilangan negeri Pahang (Isa, 2010). Susur galur pemerintahan raja Melayu di Pahang adalah dari keturunan Kesultanan Melayu Pahang. Dimulai dengan pemerintahan di bawah naungan Sultan Muhammad salah seorang putera Sultan Mansur Shah dari Melaka sehinggalah keturunan Kesultanan Melayu Melaka yang terakhir iaitu Sultan Abdul Ghafur Mohayidin Shah, Sultan Pahang yang kedua belas. Selepas pemerintahan Sultan Abdul Ghafur, Pahang telah diletakkan di bawah Empayar Johor-Riau.

Dibawah empayar ini, Sultan bersemayam di Riau sementara Bendahara diberi kuasa pentadbiran di Pahang manakala Temenggong di Johor. Empayar Johor-Pahang semakin lemah dari segi politik dan dipergunakan sepenuhnya oleh Bendahara untuk mengukuhkan kedudukan mereka. Akibatnya pada tahun 1688, Bendahara Tun Habib Abdul Majid berjaya merampas kuasa dan menyingkirkan Tun Paduka Raja dan membawa Sultan Mahmud Shah II ke Johor. Walau bagaimanapun, Sultan Mahmud Shah II telah diiktiraf sebagai pemerintah Johor-Pahang (R. Windstedt, 1932) tetapi pemerintahannya tidak lama kerana baginda merupakan seorang pemerintah yang lemah dan dikenali sebagai tidak siuman. Baginda telah mangkat dibunuh oleh Megat Seri Rama pada tahun 1699 di Kota Tinggi, Johor. Pemerintahan Pahang diwarisi oleh

Bendahara melalui pelantikan Bendahara Tun Abdul Jalil sebagai pemerintah baru Johor-Pahang (Wilkinson, 1931). Ini adalah kerana mengikut perlembagaan, jika sultan telah mangkat tanpa pengganti atau waris, Bendahara akan diberi hak untuk menerajui pemerintahan (Linehan, 1936).

Pada tahun 1806, kuasa Bendahara semakin dominan di Pahang sehinggalah pada tahun 1856, apabila Bendahara Tun Ali yang memakai gelaran Bendahara Seri Maharaja mangkat, perang saudara telah tercetus di antara Wan Mutahir dan Wan Ahmad berpunca daripada wasiat yang ditinggalkan oleh Bendahara Tun Ali kepada putera-puteranya. Justeru, Pahang telah berpecah kepada dua puak. Perang saudara tamat selepas kemangkatan Wan Mutahir dalam bulan Mei tahun 1863 (Adil, 1972) sekaligus memberi kemenangan kepada Wan Ahmad yang memerintah Pahang bermula tahun yang sama melalui pelantikan Residen British yang pertama iaitu John Pickersgill Rodger (Linehan, 1936). Ini menyebabkan ramai pihak yang tidak berpuas hati dan bangkit untuk menentang kerajaan British. Pada 6 Ogos 1882, pemerintahan negeri ini mula memakai gelaran sultan bermula dengan Sultan Ahmad I (Adil, 1972) dan pada 12 Disember 1884, Bendahara Ahmad mula digelar dengan gelaran Sultan Ahmad Al Muadzam Shah oleh pembesar-pembesarnya. Pengiktirafan gelaran Sultan ke atas Bendahara Ahmad telah dibuat oleh Kerajaan British pada tahun 1887. Daripada keturunan Bendahara Wan Ahmad, kedaulatan dan keharmonian negeri Pahang dijaga sehingga kini.

Sejarah kehebatan tamadun bangsa yang dilakarkan oleh Pahang melalui adat istiadat yang diamalkan tidak dapat dinafikan. Adat resam dan adat istiadat yang menjadi tunjang kepada ketamadunan bangsa ini dipegang erat hingga kini. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010), adat bermaksud peraturan yang sudah diamalkan turun-temurun di dalam sesuatu masyarakat (sehingga merupakan hukum dan peraturan yang harus dipatuhi) sementara istiadat membawa maksud peraturan atau cara-cara melakukan sesuatu yang sudah menjadi kebiasaan. Gagasan kebudayaan dan adat istiadat Kesultanan Melayu bermula daripada peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh Demang Lebar Daun, penghulu bagi masyarakat Melayu Palembang sewaktu beliau mahu mengahwinkan anaknya dengan Seri Teri Buana, anak Raja Suran seperti yang tertulis di dalam Sulalatus Salatin dipelihara kukuh. Majlis perkahwinan anak Demang Lebar Daun dengan Seri Teri Buana diadakan dengan meriah selama empat puluh hari empat puluh malam dengan iringan bunyi-bunyian dan jamuan rakyat secara besar-besaran (Ahmad, 1996). Kedua-dua pengantin kemudiannya diarak di dalam sebuah 'perarakan emas permata di bawah payung empat terkembang' berkelilingan ke seluruh negeri Palembang. Setelah itu kedua-dua mempelai dimandikan di atas panca persada tujuh belas pangkat mengikut cara 'adat raja yang besar-besar mandi' (Ahmad, 1996a,b).

Istiadat yang diperkenalkan oleh Demang Lebar Daun ini diteruskan dan diperluaskan oleh Seri Teri Buana ketika beliau membuka negeri baru di Temasik yang kini dikenali sebagai Singapura (Harun, 2011). Sultan Muhammad Shah yang memerintah Melaka pada kurun ke 1422-1444 telah meneruskan legasi Demang Lebar Daun dengan menetapkan aturan "Susunan Tertib Adat Istiadat Diraja" di Melaka secara lebih teratur. Antaranya baginda memperkenalkan peraturan melarang orang kebanyakan menggunakan peralatan berwarna kekuningan. Baginda juga mengenakan peraturan ketika pembesar mengadap di balairung (Harun, 2011a,b). Setiap adat istiadat juga akan diketuai oleh pembesar istana agar perjalanan sesuatu majlis menjadi lebih teratur dan bertata susila (Harun, 2011a,b). Adat istiadat ini diteruskan oleh Sultan Melaka yang lain sehinggalah kejatuhan Melaka ke tangan Portugis. Adat Mengarok, Adat Salang dan Sula, Istiadat Melantik Raja, Adat Mengangkat Sembah, Adat Bertindik dan Berkhatan adalah antara adat istiadat dan adat resam yang masih dipraktikkan dan dipelihara begitu rapi sehingga kini.

Adat resam dan istiadat ini menjadi lambang peraturan yang telah sebat di dalam masyarakat Melayu dan tertulis megah di dalam manuskrip-manuskrip lama seperti Sulalatus Salatin. Adat menyambut bayi misalnya ditunjukkan di dalam Sulalatus Salatin: 216 ketika Tun Fatimah melahirkan anak lelaki Sultan Muhammad Syah yang bercukur jambul dan ditabal sebagai Sultan Muda selepas 40 hari kelahirannya (Ahmad, 1996). Adat istiadat Pertabalan Raja misalnya di Perak memerlukan mana-mana Sultan yang menaiki takhta kerajaan harus pergi ke

Beting Beras Basah dan menjejakkan kaki baginda di atas beting tersebut (Sab, 2010) yang kini terletak di persisiran Sungai Perak di Bagan Datoh, Perak. Adat istiadat ini bermula daripada kisah lisan masyarakat Melayu di Perak yang mengatakan sewaktu bahtera Raja Mudzafar Shah melalui kawasan Beting Beras Basah, turun ribut taufan dan ombak besar sehingga bahtera tersebut tidak dapat bergerak. Raja Mudzafar Shah terpaksa membuang peralatan yang dibawanya termasuk mahkota baginda. Selepas itu, baharulah ribut taufan reda dan bahtera boleh meneruskan pelayaran menelusuri Sungai Perak. Adat Istiadat Salang pula dipraktikkan di Pahang ke atas orang yang membuat kesalahan besar pada zaman dahulu. Kaki dan tangan pesalah diikat lalu didudukkan di haluan perahu dan dikayuhkan ke sebatang anak sungai. Pesalah itu kemudiannya ditikam dengan sebilah keris panjang oleh Bendahara di tempat penyalang (Isa, 2010). Keindahan adat istiadat ini yang diperkenalkan dan kemudiannya diperluaskan melalui penjajahan empayar menjadi lambang kemegahan masyarakat Melayu berkenaan dengan peraturan dan tatacara yang perlu dipelihara agar ketamadunan bangsa dapat dikekalkan.

2. Mengarok: Adat Istiadat Silam

Istiadat Mengarok ialah satu istiadat tradisi Negeri Pahang. Mengarok dipercayai wujud daripada perkataan Bugis yang membawa maksud sebuah pergaduhan yang melampau (Mokhtar, 1992). Ia juga membawa pengertian membuat kekacauan dan huru-hara (Mokhtar, 1992a,b). Hikayat Pahang menceritakan mengarok berasal dari Bugis yang dibawa oleh seorang panglima bernama Selawatang. Ungku Temenggong Teluk Belanga telah mengetuai gerombolan tentera ini dari Singapura ke Pahang untuk membantu Bendahara Sewa Raja Wan Ahmad sebaik sahaja baginda masuk balik ke Pahang bersama Syed Idrus dari Kelantan. Upacara mengarok pertama sekali diadakan ialah di Chenor pada 10 Jun 1863 bagi mengalulakan Wan Ahmad yang diangkat oleh Orang Besar Pahang menjadi Bendahara Pahang bergelar Bendahara Sewa Raja (Mokhtar, 1992a,b).

Menurut hikayat, adat mengarok ini berasal daripada satu kisah berkenaan peminangan seorang puteri yang amat cantik jelita pada suatu masa dahulu. Kejelitaan puteri itu sudah menjadi buah mulut serata negeri sehingga ramailah putera datang melamar. Namun begitu, semua lamaran ditolak sehingga muncul seorang putera yang penuh wibawa dimana akhirnya pinangan telah diterima. Semasa dalam perjalanan ke majlis perkahwinan tersebut, rombongan pengantin lelaki telah diserang oleh sepasukan panglima daripada angkatan putera yang telah ditolak pinangannya. Perkataan 'arok' telah dilaungkan sebelum serangan dan kacau-bilau dilakukan. Nasib menyebelahi pengantin lelaki apabila baginda menewaskan gerombolan tentera tersebut. Setelah pihak lawan menyerah diri dan mereka menjadi tawanan kepada pasukan pengantin lelaki, perjalanan diteruskan namun rombongan tersebut diserang oleh segerombolan tentera yang lain, yang juga pernah ditolak pinangannya oleh sang puteri. Pasukan lawan kalah sekali lagi dan menjadi tawanan pasukan pengantin lelaki. Rombongan pengantin lelaki dikatakan telah diserang berkali-kali sehinggalah mereka berjaya sampai ke majlis perkahwinan tersebut, namun dalam setiap serangan pasukan pengantin berjaya menewaskan tentera lawan. Kisah ini menunjukkan kehebatan, sifat kepimpinan dan kewibawaan sang putera yang telah menjadi pilihan hati sang puteri (Mokhtar, 1992a,b).

Semenjak daripada itu, acara mengarok sering diadakan dari semasa ke semasa bagi memperingati sifat kepimpinan dan kewibawaan seorang pemimpin. Adat ini sering diadakan di majlis-majlis kebesaran dan keraian diraja seperti dalam Istiadat Perkahwinan Diraja, Hari Keputeraan, Istiadat Pertabalan Diraja, Istiadat Berkhatan dan Bertindik dan apa jua Istiadat Diraja yang diadakan secara besar-besaran. Antara upacara mengarok yang pernah diadakan adalah semasa Perkahwinan Diraja antara YM Tengku Wok Zaharah binti Almarhum Sultan Abdullah dengan Yang Mulia Encik Engku Abdul Jamal bin Encik Engku Muda Mansor pada tahun 1910. Adat ini sekali lagi diadakan pada tahun 1937 di Pekan bagi meraikan Adat Istiadat Bertindik YM Tengku Aionon Jamil. Adat ini juga diadakan semasa Perarakan Diraja sempena Hari Keputeraan KDYMM Sultan Haji Ahmad Shah II pada Oktober 1990 (Mokhtar, 1992a,b).

Dalam istiadat mengarok, pelbagai jenis warna pada pakaian dikenakan mengikut kumpulan. Perbezaan warna pada pakaian ini adalah untuk memastikan pihak lawan dan kawan mengenali pasukan masing-masing. Namun begitu, pada kebiasaannya warna merah selalu digunakan oleh para pahlawan yang mengiringi Raja kerana ia melambangkan keberanian dan kegagahan. Bagi pasukan yang lain, mereka selalu mengenakan baju kotong warna hitam, seluar Pak Sekerap warna hitam, kain samping benang halus warna hitam, sebilah keris lengkap dengan hulu dan sarung, tanjak ikatan Bugis Tak Balik, kain selendang warna hitam atau dikenali sebagai Kain Bulang yang dipakai pada bahu kiri. Bagi bengkung pula, ia akan mengikut warna kepahlawanan masing-masing. Setiap pahlawan akan memegang keris terhunus, namun disorokkan ke dalam selendang supaya keselamatan diri terjamin (Rafeah Buang, Majalah NONA, Disember, 1990). Gendang silat turut mengiringi pasukan mengarok bagi memeriahkan lagi upacara ini. Keindahan dan kekayaan seni budaya dapat dilihat melalui perbezaan rentak atau tingkah gendang antara pasukan yang menunggu dan mendatang. Rentak gendang yang mengiringi semasa berjalan lebih perlahan dan dinamakan gendang silat 'laun' manakala rentak yang deras dimainkan semasa menyerang. Rentak itu dinamakan tingkah 'sama deras' (Rafeah Buang, Majalah NONA, Disember, 1992). Tiupan nafiri juga turut dimainkan bagi mengiringi rentak gendang silat.

Kebiasaannya bilangan peserta mengarok terdiri daripada 40 orang lelaki yang dibahagikan kepada dua pasukan dan setiap pasukan mempunyai ketua. Para peserta hendaklah terdiri daripada orang-orang sesama sendiri yang tidak bermusuhan dan bersengketa. Para peserta juga diwajibkan mempunyai ilmu persilatan. Bagi majlis perkahwinan, satu pasukan dianggap sebelah pengantin lelaki, manakala sepasukan lagi dianggap sebelah pengantin perempuan. Pasukan pengantin perempuan hendaklah menyediakan beberapa pasukan penunggu di tempat-tempat tertentu. Apabila bertembung dengan pasukan pengantin lelaki, pasukan pengantin perempuan dianggap kalah dan diserap dalam pasukan mengarok sebelah pengantin lelaki. Sebelum bermulanya upacara mengarok, doa selamat dibacakan. Kemaraan dilakukan sambil berselawat. Setelah sampai ke tempat yang dijanjikan, kedua-dua pasukan mara seperti berperang sambil melaungkan 'chah, arok' berkali-kali dan sambil pencak silat. Kadangkala pantun turut diselitkan. Antara lain pantun itu berbunyi;

Lari orang Acheh mengamuk
Itu bahaya kejar dengan golok
Tutuplah pintu
Jangan beri dia masuk

Apabila kedua-dua pasukan ini bertembung mereka akan mencari lawan dan bergelut selama empat hingga lima minit. Serangan berakhir apabila tangan yang menghunus keris bersilang, bahu bertemu bahu dan berdiri di atas sebelah kaki. Namun begitu mengarok diteruskan lagi sehingga beberapa kali mengikut perjanjian yang telah ditetapkan sebelum upacara dilakukan. Setiap pertempuran akan didahului oleh mereka yang berjumlah empat hingga lapan orang dan kemudian barulah diikuti oleh pengikut-pengikut yang lain. Upacara mengarok lazimnya berakhir dengan persembahan pencak silat oleh sepasang pendekar.

3. Kesimpulan

Adat yang diwarisi turun temurun amat penting kerana pengajaran yang diperolehi sangat tinggi nialinya dan ianya perlu dihayati dan dihargai oleh generasi seterusnya. Adat istiadat silam seperti upacara mengarok ini perlu diangkat tinggi dan digembar-gemburkan kewujudannya. Amatlah malang sekiranya bangsa Melayu itu sendiri tidak mengambil endah atau cakna kerana jika perkara seperti ini berterusan berlaku, tidak mustahil bangsa Melayu kehilangan identiti mereka. Perlu diingatkan bahawa mereka yang berilmu tentang bangsa mereka adalah mereka yang menyayangi dan menghormati bangsa mereka sendiri.

4. Rujukan

- Adil, H. B. (1972). *Sejarah Pahang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Ahmad, A. (1996). *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Bakar, M. M. (1992). *Pahang Dalam Sejarah*. Lembaga Muzium NEgeri Pahang: Syarikat Percetakan Inderapura Sdn Bhd.
- Harun, J. (2011). Asal Usus Raja, Negeri dan Adat Istiadat Kesultanan Perak: Beberapa Variasi dalam Pengekalan dan Peyimpangan Sumber Tradisi. *Journal of the Malay World and Civilisation*, 29.
- Isa, Y. (2010). *Citra Pahang Dalam Teks Klasik*. Lembaga Muzium Negeri Pahang.
- Sab, H. C. (2010). *Beting Beras Basah*. Berita Harian.
- Linehan, W. (1936). A history of Pahang. *JMBRAS* vol XIV, 45.
- Wilkinson, R. J. (1931). Mahmud II and Abdul Jalil II. *JMBRAS*, IX, 29.
- Winstedt, R. O., & Wilkinson R. J. (1934). A History of Perak. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, 12.